

CIRI-CIRI KEHIDUPAN SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT MELAYU
KAMPONG PADANG SEBANG, ALOR GAJAH, MELAKA.

PROJEK PENYELIDIKAN
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

TERKIRIM KE:

AYAHANDA, BORDA BINTA

ABIK-ADIK YANG KU MASUKI...

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

1979 / 1980

SINOPSIS

Projek Penyelidikan ini bertujuan untuk mendapatkan satu gambaran umum berhubung dengan ciri-ciri kehidupan masyarakat Melayu Kampong Padang Sebang, khususnya perkara-perkara yang berkaitan dengan aspek-aspek sosio-ekonomi. Walaupun terdapat keluarga-keluarga bukan-Melayu, kajian ini hanya menyentuh masyarakat Melayu saja kerana hakikat bahawa ia merupakan satu kaum majoriti di tempat kajian. Seterusnya, penulis tidak menitikberatkan semua ciri-ciri kehidupan sosial dan ekonomi yang ditemui, tetapi cuma aspek-aspek yang berkepentingan kepada masyarakat Melayu yang dikaji. Ini pun hanya secara umum saja dan bukannya dengan terperinci.

Sebelum kajian ini, telah pernah juga dijalankan usaha-usaha penyelidikan yang serupa di tempat kajian (oleh mahasiswa juga), tetapi mereka lebih memusatkan perhatian terhadap aspek-aspek tertentu. Misalnya, pernah dijalankan satu kajian oleh seorang mahasiswa UKM berhubung dengan peranan bomoh di kampong. Maka dengan hal yang demikian, usaha penulis untuk mendapatkan satu gambaran umum mengenai ciri-ciri kehidupan sosio-ekonomi masyarakat Melayu tempatan, adalah satu usaha yang ulung-ulung kali dijalankan.

Buku ini mengandungi 5 bab. Bab 1 merupakan pendahuluan kepada kajian dimana dibicarakan tentang tujuan kajian ini dijalankan, metode-metode yang digunakan serta masalah-masalah yang dialami disepanjang kajian. Bab 2 membicarakan Kampong Padang Sebang secara umum seperti

keadaan ilmu alam, institusi-institusi sosio-ekonomi yang ujud, corak kepimpinan dan kemudahan-kemudahan asas yang disediakan. Bab 3 dan bab 4 pula lebih menitikberatkan penduduk kampung sendiri. Bab 3 membicarakan aktiviti-aktiviti ekonomi penduduk manakala bab 4 pula menyentuh tentang aspek-aspek sosial mereka. Bab 5 adalah bab yang terakhir dan penutup bagi buku ini. Ia juga merupakan ringkasan dan kesimpulan bagi bab-bab sebelumnya.

SEMANGAI GANZAN

SELAMAT MEMBACA KEPADA PEMBACA-PEMBACA BUDIMAN.

BAB 1: PENDAHULUAN:

Tujuan Kajian	1
Metode / Cara-Cara Menjalankan Kajian	2
Masalah-Masalah Di Dalam Kajian	5

BAB 2: KAMPUNG PADANG SELANG, LAYAR MELANGKAP BUKIT:

Araa Kawasan / Kebolehan Ilmu Alam	7
Kondaan Ilmu Alam	8
Penduduk	8
Corak Ekapinda / Pentadbiran Tempatan	11
Institusi-Institusi Sosio-Ekonomi Di Kampung Padang Selang	15
Kemudahan-Kemudahan Yang Terdapat Di Kampung Padang Selang	20

BAB 3: AKTIVITI-AKTIVITI EKONOMI PENDUDUK:

.....	25
-------	----

KANDUNGAN

	Halaman
Aktiviti Perumahan	3
PENGHARGAAN	iii
SINOPSIS	iv
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI GAMBAR	ix
<u>BAB 1: PENDAHULUAN:</u>	1
Tujuan Kajian	1
Metode / Cara-Cara Menjalankan Kajian	2
Masaalah-Masaalah Di Dalam Kajian	5
<u>BAB 2: KAMPONG PADANG SEBANG: LATAR BELAKANG UMUM:</u>	7
Asas Kawasan / Kedudukan Ilmu Alam	7
Keadaan Ilmu Alam	8
Penduduk	8
Corak Kepimpinan / Pentadbiran Tempatan	11
Institusi-Institusi Sosio-Ekonomi Di Kampong Padang Sebang	15
Kemudahan-Kemudahan Yang Terdapat Di Kampong Padang Sebang	20
<u>BAB 3: AKTIVITI-AKTIVITI EKONOMI PENDUDUK:</u>	23
<u>Tanaman-Tanaman Utama</u>	23

	Halaman
Aktiviti Persawahan	23
Aktiviti Menoreh Getah	30
<u>Aktiviti-Aktiviti Pertanian Sambilan</u>	34
Menanam Sayur-Sayuran	35
Menanam Buah-Buahan	35
Menternak Ternakan	35
<u>Aspek-Aspek Ternakan Di Dalam</u> <u>Ekonomi Pertanian</u>	36
Organisasi / Bentuk Tenaga Kerja	36
Pemilikan Tanah Di Kalangan Penduduk	37
 <u>BAB 4: CIRI-CIRI SOSIAL MASYARAKAT KAMPONG PADANG SERANG:</u>	 40
 Bentuk-Bentuk Perhubungan Sosial	 40
Bentuk Stratifikasi Sosial	42
 <u>BAB 5: PENUTUP:</u>	 47
 Bahan-Bahan Rujukan	 49
Peta 1	0
Peta 2	51
 JANUARI 1968	 43

SENARAI JADUAL

Halaman

JADUAL 3:1	KATEGORI PETANI DIDALAM AKTIVITI PERSAWAHAN.....	24
JADUAL 3:2	KELUASAN HAK MILIK TANAH SAWAH SENDIRI.....	27
JADUAL 3:3	KATEGORI PENDUDUK YANG TERLIBAT DIDALAM AKTIVITI MENOREH GETAH.....	31
JADUAL 3:4	KELUASAN HAK MILIK TANAH GETAH SENDIRI.....	33
JADUAL 3:5	KELUASAN HAK MILIK TANAH DIKALANGAN PENDUDUK.....	37
JADUAL 4:1	PENGULUNGAN BERDASARKAN KELUASAN HAK MILIK TANAH.....	44
JADUAL 4:2	PENGULUNGAN BERDASARKAN JUMLAH PENDAPATAN SEBULAN.....	45

SENARAI GAMBAR

Halaman

GAMBAR 1: PUSAT KESIHATAN KECIL DI TEMPAT KAJIAN..... 21

GAMBAR 2: TALI AIR BARU YANG DIBINA OLEH KERAJAAN..... 28

GAMBAR 3: SUNGAI TAMPIN DAN MASALAH KEKURANGAN AIR... 29

GAMBAR 4: RISDA SEDANG MEMBELI GETAH DARI PPPK..... 32


DAERAH ALOR GAJAH

— SEMPADAN MEKIN

— JALAN KERETA API

— JALAN RATA / KAWASAN

Tidak Mengikut Ukuran
SEBENAR. (NOT TO SCALE)




DAERAH ALOR GAJAH:

- SEMPADAN MUKIM
- JALAN KERETAPI
- JALAN RAYA / KAMPUNG

TIDAK MENGIKUT UKURAN SEBENAR. (NOT TO SCALE)

KE PEKAN
TAMPIN

NEGERI SEMBILAN



PENDAHULUAN

1) TUJUAN KAJIAN:

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan satu gambaran umum mengenai ciri-ciri kehidupan masyarakat Melayu Kampong Padang Sebang dalam Daerah Alor Gajah, Melaka. Penelitian kajian akan ditumpukan terhadap aspek-aspek kehidupan sosio-ekonomi, manakala aspek politik akan disentuh secara ringkas sekiranya ia berkaitan dengan aspek sosio-ekonomi yang disentuh.

Berhubung dengan aspek ekonomi, akan ditinjau jenis-jenis pekerjaan yang diceburi dimana sektor pertanian merupakan sektor yang melibatkan sebilangan besar penduduk kampong. Dengan ini, sektar tersebut akan dibicarakan dengan lebih terperinci dimana akan ditinjau jenis-jenis tanaman yang diusahakan, proses-proses yang terlibat untuk mengeluarkan hasil tanaman dan aspek-aspek yang bersangkutan dengan pemilikan tanah dikalangan masyarakat Melayu tempatan. Ini meliputi cara-cara memiliki tanah, masalah-masalah didalam mengerjakan tanah dan cara-cara untuk mengatasi masalah-masalah tersebut, samaada oleh penduduk kampong sendiri atau pun oleh pihak kerajaan. Dari aspek sosialnya pula, akan dilihat sistem stratifikasi sosial, cara-cara penduduk kampong berinteraksi dan institusi-institusi sosial yang wujud.

Walaupun bagaimanapun, pembahagian kepada aspek-aspek sosial dan ekonomi ini hanya merupakan pembahagian secara arbitrari saja kerana pada hakikat sebenarnya, aspek-aspek tersebut adalah saling lengkap-melengkapi dan berkait-rapat. Dengan hal yang demikian, kerap-kali aspek-aspek sosial, ekonomi dan politik disentuh pada satu masa yang sama apabila dibicarakan tiap-tiap tajuk tertentu.

2) METODE / CARA-CARA MENJALANKAN KAJIAN:

Pengkaji telah membahagikan kajian ini kepada 2 peringkat iaitu kajian awal sebelum kajian sebenar dan kajian sebenar.

Didalam kajian peringkat awal, telah dikaji terlebih dahulu beberapa bahan bacaan yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat Melayu luar bandar. Tujuan utama ialah untuk melihat samaada data-data dan rumusan-rumusan yang terdapat didalam sumber-sumber rujukan tersebut, juga menepati keadaan yang ujud di tempat kajian.

Metode-metode yang digunakan di peringkat kedua, yakni kajian sebenar, ialah:

- a) Soal-Selidik (Questionnaires),
- b) Temuramah,
- c) Temubual, DAN *bersempa ?*
- d) Pemerhatian.

Didalam metode Soal-Selidik, telah disediakan soalan-soalan yang ada kaitan dengan aspek-aspek yang ingin diketahui. Melalui metode ini, data-data yang bersifat kuantitatif seperti pendapatan, keanggotaan keluarga dan perkara-perkara mengenai hak milik tanah, telah dapat diperolehi. Bentuk-bentuk soalan yang dikemukakan terbahagi kepada 2 jenis iaitu Soalan Tertutup (Close-ended) dan Soalan Terbuka (Open-ended). Soalan Tertutup ialah dimana responden disediakan dengan jawapan-jawapan dan mereka cuma perlu memilih mana yang menepati diri mereka. Walaupun soalan-soalan tertutup dapat menjimatkan masa kerana responden tidak perlu berfikir panjang, tetapi ia tidak memberi kebebasan dan kesempatan untuk responden mengeluarkan buah fikiran mereka. Oleh itu, soalan-soalan terbuka telah juga disediakan dimana jawapan-jawapan tidak

disediakan dan responden dibiarkan bebas memberi pendapat mereka dan pengkaji hanya mencatat mana yang menasabah. Soalan-soalan terbuka dikhaskan untuk jawapan-jawapan yang berbentuk pendapat dan buah fikiran manakala untuk jawapan-jawapan yang ringkas, soalan-soalan tertutup dikemukakan.

Sebanyak 60 keluarga telah dipilih sebagai "sample" walaupun jumlah kesemua keluarga di tempat kajian ialah sebanyak 169. Kaedah yang digunakan didalam proses pemilihan "sample" adalah didasarkan pada saiz kampung. Kampung Padang Sebang terbahagi kepada 3 kawasan iaitu kawasan Hilir, Hulu dan Tengah. Dari kawasan Hulu, sebanyak 10 keluarga telah dijadikan "sample", manakala dari kawasan Tengah, 20 keluarga telah dipilih memandangkan kawasan ini lebih luas dan penduduknya lebih ramai. Oleh kerana penduduk di kawasan Hilir lebih ramai dari kawasan Hulu dan Tengah, maka sebanyak 30 keluarga telah dipilih sebagai "sample" dari kawasan ini. Oleh itu, pemilihan berdasarkan saiz dan jumlah keluarga di setiap kawasan ini, dapat dianggap sebagai satu pemilihan yang seimbang bagi setiap kawasan. (Sila lihat peta Mukim Padang Sebang.)

Sebelum menemui kesemua 60 keluarga, telah terlebih dahulu ditemui 3 keluarga yang dianggap dapat mewakili golongan kaya, miskin dan sederhana. Penemuan awal ini bertujuan untuk menguji soalan-soalan yang telah disediakan dan hasil dari metode "Pre-Test" ini telah memperlihatkan beberapa kecacatan dan kekurangan pada soalan-soalan. Ada soalan-soalan yang terlalu sensitif yang perlu diubahsuai dan ada juga soalan-soalan yang perlu ditambah. Ringkasnya, kaedah "Pre-Test" dapat perbetulkan kecacatan pada soalan-soalan dan menambah soalan-soalan yang perlu.

Metode Temuramah telah digunakan untuk mendapatkan keterangan-keterangan umum mengenai tempat kajian. Temuramah-temuramah yang telah dijalankan adalah lebih "formal" dan responden-responden terdiri daripada mereka yang memainkan peranan penting dan berpengetahuan luas mengenai kampung. Tokoh-tokoh tersebut terdiri daripada Ketua Kampung, Penghulu Mukim, Pegawai Masjid, Pegawai Adat dan sebagainya. Temuramah-temuramah ini telah dijalankan terlebih dahulu dari metode Soal-Selidik kerana dengan keterangan-keterangan umum mengenai kampung dan masyarakatnya, dapat memudahkan pengkaji untuk menerima maklumat-maklumat yang diberikan oleh responden.

Perbualan-perbualan biasa juga telah digunakan untuk mendapatkan keterangan-keterangan. Berbeda dari metode Temuramah, perbualan-perbualan yang dijalankan adalah lebih "informal" dan tajuk-tajuk perbualan adalah lebih bebas, seolah-olah perbualan-perbualan tersebut merupakan perbualan biasa diantara kenalan dan bukannya antara seorang pengkaji dan responden. Topik-topik perbualan tidak diketengahkan oleh pengkaji, sebaliknya timbul secara spontan ketika perbualan-perbualan sedang diadakan. Kedai-kedai kopi dan runcit tempatan seringkali pengkaji lawati kerana inilah tempat-tempat yang kerap-kali dikunjungi oleh penduduk kampung, berkumpul dan berbual-bual. Perbualan-perbualan ini sangat berguna sekali kerana ada diantara responden-responden yang turut berbual, bukannya daripada 60 keluarga yang dipilih sebagai "sample". Dengan ini, secara tidak langsung telah dapat didengar buah fikiran dan pendapat responden-responden yang tidak terpilih.

Metode Pemerhatian merupakan metode yang terakhir digunakan didalam pengumpulan data. Pemerhatian yang dimaksudkan bukanlah semata-

mata pemerhatian ketika kajian dijalankan, tetapi juga meliputi pemerhatian di masa lalu. Kenyataan ini berdasarkan pada hakikat bahawa pengkaji ialah anak jati tempatan dan dibesarkan di tengah-tengah masyarakat yang dikaji. Diantara aspek-aspek yang menjadi perhatian ialah cara-cara penduduk kampung menghabiskan masa lapang, cara mereka berinteraksi sesama mereka, keadaan persekitaran seperti keadaan rumah dan sistem-sistem ekonomi yang dijalankan. Pemerhatian ini termasuk pemerhatian dari dekat dan juga dari jauh.

3) MASAALAH-MASAALAH DIDALAM KAJIAN:

Hakikat timbulnya masalah-masalah memang telah diduga dari awal-awal lagi sebelum kajian dijalankan. Dengan itu, telah dibuat persediaan awal supaya mudah untuk menghadapi masalah-masalah tersebut.

Masalah pertama dan yang lazim sekali dihadapi, ialah untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang betul dan tepat. Sering-kali ungkapan-ungkapan seperti "Agak-agaknya...", "Mungkin..." dan "Rasa-rasanya...", dimulai oleh responden. Jawapan-jawapan yang bermula dengan ungkapan-ungkapan ini nyata sekali kurang tepat dan selalunya diperolehi untuk soalan-soalan yang bersifat kuantitatif dan terbuka, Pengkaji terpaksa membuat andaian dan perbandingan sendiri untuk mendapatkan jawapan yang lebih menasabah.

Masalah kedua dan juga yang kerap dihadapi ialah ketiadaan ketua rumah atau responden apabila pengkaji kerumah mereka. Masalah ini selalunya timbul disebelah pagi kerana majoriti responden sibuk dengan kerja-kerja harian. Seringkali rumah mereka diulangi beberapa kali dan pernah juga pengkaji disuruh tunggu oleh isteri ketua rumah sehingga suami mereka pulang. Untuk tidak menyinggung perasaan mereka,

terpaksa juga ditunggu dan pernah hingga lebih dari satu jam. Dari satu segi, ini mungkin membuang masa saja tetapi apabila ditinjau dari sudut yang lain, ada juga faedahnya kerana ketika menunggu ketua rumah, perbualan-perbualan yang "informal" telah diadakan dengan isteri mereka. Perbualan-perbualan ini sedikit sebanyak telah dapat menambah pengetahuan umum mengenai kampung.

Kerap kali juga kerjasama sepenuhnya kurang diterima daripada responden, terutamanya berhubung dengan soalan-soalan yang sensitif seperti jumlah harta dan pendapatan. Kadar kurangnya kerjasama ini adalah lebih besar dikalangan responden-responden yang memiliki harta yang banyak dan pendapatan yang besar. Sebaliknya, jarang sekali timbul masalah untuk mendapatkan data-data tersebut daripada keluarga yang kurang 'berada'. Faktor utama yang menyebabkan setengah keluarga kurang memberi kerjasama ialah kerana adanya perasaan syak wasangka terhadap pengkaji dimana pengkaji disyaki sebagai seorang agen kerajaan dari Jabatan Hasil Dalam Negeri. Untuk memberi keyakinan dan kepastian kepada mereka, pengkaji terpaksa berterus-terang dan menunjukkan surat resmi dari Jabatan Antropologi dan Sosiologi mengenai tujuan kajian. Ada yang percaya dan memberikan kerjasama, tetapi ada juga yang tetap dengan pendirian mereka. "Kerajaan ni cerdek...", kata mereka. Seringkali jawapan-jawapan yang mereka berikan tidak berpadanan dengan corak kehidupan mereka. Sekali lagi budibicara terpaksa digunakan untuk menyesuaikan jawapan yang diberi dengan gaya hidup mereka. Mereka yang berpendapatan rendah pula berterus-terang menyatakan tentang kemiskinan dan harta mereka. Disini, dapatlah diperhatikan kadar 'response' daripada 2 gulungan dan status sosial yang berlainan.

KAMPONG PADANG SEBANG: LATAR BELAKANG UMUM

2) KEDUDUKAN ILMU ALAM:

Bab ini bertujuan untuk memberikan satu gambaran yang umum mengenai tempat kajian supaya dapat dilihat ciri-ciri kehidupan sosio-ekonomi penduduk Melayu tempatan dengan pandangan yang lebih tepat.

1) ASAS KAWASAN / KEDUDUKAN ILMU ALAM:

Kampung Padang Sebang, 3 batu keutara Pekan Alor Gajah dan 3 batu keselatan Pekan Tampin, merupakan sebuah kawasan luar bandar yang termasuk didalam Mukim Padang Sebang, bersama-sama dengan 3 buah kampung yang lain. Mukim Padang Sebang pula adalah dibawah pentadbiran Daerah Alor Gajah dalam Negeri Melaka dengan Pekan Alor Gajah sebagai pusat pentadbirannya. Apa yang menarik disini ialah persamaan nama kampung dengan nama mukim, walhal Kampung Padang Sebang dan Mukim Padang Sebang merujuk pada 2 unit pentadbiran yang berlainan. Menurut saranan oleh S. Husin Ali¹, 'Mukim' merupakan unit pentadbiran yang terkecil sekali didalam sebuah negeri dan dibentuk oleh kerajaan untuk mentadbir perkara-perkara yang bersangkutan dengan tanah dan hak milik. 'Kampung' pula adalah satu unit sosial yang padu didalam kawasan luar bandar. Menurut Rosemary Firth² pula, 'Kampung' biasanya bukan sebuah unit pentadbiran tetapi sebuah unit sosial yang mementingkan perasaan kekitaan dan setiakawan dikalangan ahli-ahlinya.

3 buah kampung lain yang juga termasuk dibawah pentadbiran Mukim Padang Sebang ialah Kampung Tanjong, Kampung Empang Batu dan Kampung Bahagia (dulunya dikenali sebagai Kampung Punggor). (Sila lihat peta Mukim Padang Sebang).

-
- 1) S. Husin Ali, MASYARAKAT DAN PIMPINAN KAMPONG DI MALAYSIA.
Kuala Lumpur, 1977. Hal: 59
- 2) Firth, Rosemary, HOUSEKEEPING AMONG MALAY PEASANT.
New York, 1966. Hal: 61

2) KEADAAN ILMU ALAM:

Dari segi alam semula jadinya, Kampong Padang Sebang masih mewarisi ciri-ciri sebuah kawasan luar bandar. Disana-sini kelihatan pohon-pohon yang menghijau, diikuti pula dengan sawah bendang dikawasan yang rendah dan pokok-pokok getah dikawasan yang agak tinggi. Namun begitu, Kampong Padang Sebang pada keseluruhannya terletak diatas satu kawasan yang rendah, sesuai untuk aktiviti-aktiviti pertanian khasnya aktiviti persawahan. Kampong ini juga diairi oleh Sungai Tampin dan beberapa batang anak air dan tali air yang dibina oleh kerajaan.

3) PENDUDUK:

Pada keseluruhannya, terdapat seramai 1,059 orang penduduk dari 259 keluarga yang tinggal di Mukim Padang Sebang, yakni jumlah penduduk untuk keempat-empat kampong. Dari jumlah ini, seramai 952 orang adalah penduduk Kampong Padang Sebang, dan terdiri dari 163 keluarga. Ini bererti bahawa kira-kira 80% penduduk Mukim Padang Sebang terdiri dari penduduk Kampong Padang Sebang, manakala kira-kira 62% keluarga di mukim tersebut menetap di tempat kajian. Majoriti penduduk kampong adalah berbangsa Melayu yang beragama Islam. Dari 163 keluarga, cuma terdapat 6 (4%) keluarga bukan-Melayu. Mereka terdiri dari 3 keluarga Cina dan 3 keluarga India. Maka dapatlah disimpulkan bahawa kampong ini merupakan sebuah kampong Melayu.

Terdapat sebatang jalan raya yang melintasi tempat kajian, yang menghubungkan Pekan Tampin di utara dan Pekan Alor Gajah di selatan.

Di sepanjang kiri kanan jalan raya inilah terdapatnya rumah-rumah penduduk kampong. Terdapat juga sebatang jalan kampong yang dibina oleh kerajaan selari (parallel) dengan jalan raya ini dengan jarak

kira-kira 50 ela diantara mereka. Didapati juga rumah-rumah penduduk yang didirikan dikiri kanan jalan kampung ini. Dengan adanya deretan rumah-rumah dikiri kanan kedua-dua jalan ini, maka terbentuklah 4 baris "linear settlements" dengan 2 batang jalan melintas selari ditengah-tengahnya. (Sila lihat peta Mukim Padang Sebang).

Penghijrahan penduduk luar bandar kekawasan bandar khususnya dikalangan remaja, merupakan satu fenomena yang sering berlaku dan Kampong Padang Sebang juga tidak terkecuali. Dorongan untuk merebut peluang-peluang pekerjaan di bandar, adalah faktor utama penghijrahan ini berlaku. Dengan itu, saranan Alvin L. Bertrand bahawa diantara sebab utama penghijrahan berlaku ialah untuk memperbaiki kedudukan ekonomi, memang tidak dapat disangkal lagi.³ Pekerjaan-pekerjaan yang banyak terdapat di bandar, merupakan daya penarik atau diistilahkan oleh Horton dan Hunt sebagai "pull factors".⁴ Bekerja di kilang-kilang dan berkhidmat dengan angkatan tentera merupakan 2 jenis pekerjaan yang lazim diceburi oleh anak-anak muda tempatan. Terdapat satu keluarga 6 orang adik beradik dimana 5 daripada mereka bekerja kilang, yakni 3 di Kuala Lumpur dan 2 orang di Singapura. Seterusnya, ditemui satu keluarga 8 orang adik beradik dimana 4 daripada mereka bekerja kilang di Singapura. Bandar Melaka kini telah menjadi tumpuan anak-anak muda kampung dengan adanya kawasan perusahaan di Batu Berendam. Di samping itu, terdapat juga penduduk kampung yang berpindah kekawasan tanah rancangan kerajaan seperti FELDA dan FELCRA, dan majoriti adalah yang

-
- 3) Bertrand, Alvin L., BASIC SOCIOLOGY. 2nd. Edition, New York, 1970. Hal: 400
- 4) Horton, Paul B./ Hunt, Chester L., SOCIOLOGY. 4th. Edition, Japan, 1976. Hal: 396

telah berkeluarga. 2 rancangan tanah kerajaan yang berhampiran ialah di Solok Menggong kira-kira 5 batu dari kampung dan di Hutan Perca, lebih kurang 4 batu jauhnya. Bagi para remaja, tidak hairanlah kenapa bandar-bandar menjadi tumpuan mereka kerana bandar-bandar merupakan tempat-tempat dimana peluang-peluang pekerjaan begitu meluas, samaada bekerja dengan kerajaan mau pun dengan pihak swasta. Kuala Lumpur dan Singapura merupakan 2 bandar yang menjadi tumpuan anak-anak muda kampung. "Channels"⁵ yang memudahkan dan menggalakkan penghijrahan ini terjadi, memang terdapat di kampung ini. Adanya kemudahan-kemudahan seperti jalan raya dimana kenderaan-kenderaan awam seperti bas dan teksi menggunakannya, perkhidmatan talipon, perkhidmatan Pos Bergerak dan massa media yang lain, telah memudahkan mereka keluar.

Walaupun jenerasi muda ramai yang berhijrah keluar, majoriti penduduk kampung tetap mewarisi aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan sektor pertanian. Dengan itu, bolehlah dikatakan bahawa komuniti yang dikaji adalah satu komuniti petani.

Aktiviti pertanian di tempat kajian boleh dibahagikan kepada aktiviti pertanian utama dan aktiviti pertanian sampingan. Kaedah yang diguna untuk menggolongkan jenis-jenis aktiviti pertanian kepada aktiviti pertanian utama dan sampingan, adalah berdasarkan kepada sumbangan tanaman tersebut pada pendapatan penduduk kampung. Aktiviti persawahan dan menanam getah telah digolongkan kedalam aktiviti pertanian utama memandangkan kedua-dua aktiviti berkenaan adalah punca pendapatan bagi majoriti penduduk kampung. Sebaliknya, aktiviti-aktiviti sampingan seperti menanam sayur-sayuran, bush-buahan dan menternak

ternakan, bukannya sumber pendapatan utama mereka dan diceburi oleh sebilangan kecil penduduk kampung. Daripada 60 keluarga yang ditemui, cuma 3 keluarga saja tidak terlibat dalam kerja-kerja persawahan. Ada sebagai tuan-tuan tanah yang menyewakan tanah-tanah mereka, ada yang mengerjakan tanah sendiri dan bagi mereka yang tidak bertanah, akan menyewa tanah-tanah orang untuk dikerjakan. Begitu juga didalam aktiviti menanam getah dimana daripada 60 keluarga, sebanyak 42 keluarga terlibat walaupun diperingkat yang berlainan. Perlu ditegaskan disini bahawa walaupun terdapat 2 jenis tanaman utama, tidak bererti bahawa mereka yang menoreh getah tidak terlibat dalam aktiviti persawahan. Menoreh getah adalah kerja harian mereka manakala apabila tiba musim bersawah, mereka akan turun kesawah pula. Bagi mereka yang tidak menoreh, aktiviti-aktiviti sambilan yang telah disebutkan adalah aktiviti-aktiviti harian mereka dan apabila tiba musim bersawah, mereka akan turun juga kesawah. Ringkasnya, tidak ada penduduk yang hanya menoreh getah atau pun hanya menanam padi. Di samping aktiviti-aktiviti pertanian, terdapat juga penduduk Melayu yang berniaga, bekerja dengan kerajaan, dengan pihak swasta dan ada juga yang menjadi tukang kayu mengambil upah membina dan memperbaiki rumah-rumah.

Kesimpulannya, walaupun terdapat aktiviti-aktiviti diluar aspek pertanian, tidak dapat dinafikan hakikat bahawa majoriti penduduk terlibat didalam aktiviti pertanian. Dalam satu perbualan dengan penduduk kampung, ada yang menyatakan bahawa hidup di kampung tidak boleh lari dari membuat kerja-kerja kampung.

4) CORAK KEPIMPINAN / PENTADBIRAN TEMPATAN:

Kampung Padang Sebang mempunyai sistem pentadbirannya dan ia

boleh dibahagikan kepada 2 bentuk iaitu bentuk pentadbiran tradisional dan bentuk pentadbiran moden. Fungsi pentadbiran tradisional dapat dilihat didalam rangka bidang institusi-institusi tradisional yang wujud. Pemimpin-pemimpin tradisional ini termasuklah Penghulu Mukim, Ketua Kampong, Pegawai-Pegawai Masjid dan Pegawai-Pegawai Adat. Namun begitu, dengan wujudnya sistem biokrasi moden yang bermula dengan kedatangan Inggeris, fungsi-fungsi dan peranan sistem pentadbiran tradisional ini telah diresapi oleh unsur-unsur pentadbiran moden melalui pentadbiran kerajaan. Diantara pemimpin-pemimpin tradisional ini ialah:

a) Ketua Kampong:

Terdapat seorang Ketua Kampong yang telah dilembagakan kedudukannya sebagai Ketua Kampong. S. Husin Ali⁶ telah menyarankan bahawa mengikut sistem perlantikan tradisi Melayu, jawatan Ketua Kampong adalah secara warisan dan turun-temurun dari bapa ke anak. Sekiranya jawatan itu kosong akibat kematian atau sakit, ia akan diambil alih oleh anak Ketua Kampong yang berkenaan. Kelayakan-kelayakan diukur melalui umur (kira-kira sudah boleh kahwin), tidak sakit, tidak cacat badan dan tidak cacat fikiran, dan akhirnya tidak pernah melanggar adat atau hukum-hukum ugama. Mereka yang layak memilih seorang Ketua Kampong terdiri daripada orang-orang tua kampong dan pegawai-pegawai masjid.

Sistem yang sama juga pernah dipraktikan di tempat kajian, tetapi tidak lagi pada masa ini. Perlantikan tidak lagi secara warisan dan bukan dipilih oleh orang-orang tua kampong, tetapi dipilih oleh pihak kerajaan. Ketua Kampong pula adalah ahli didalam Majlis Daerah Luar

6) S. Husin Ali,

Bandar Alor Gajah dan diberi elaun sebanyak \$120 sebulan oleh kerajaan. Pendekata, telah lenyap ciri-ciri tradisi berhubung dengan jawatan Ketua Kampong melalui cara perlantikan dan penyerapannya kedalam biokrasi kerajaan di Alor Gajah. Tugas-tugas Ketua Kampong tempatan antara lainnya bersangkutan paut dengan kemajuan kampong dan sebagai perantaraan diantara masyarakat kampong dan kerajaan. Ketua Kampong juga secara otomatis adalah pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampong (JKKK).

b) Penghulu Mukim:

Penghulu Mukim yang ditemui juga dilantik oleh kerajaan dan adalah seorang kakitangan kerajaan yang menerima gaji pada setiap bulan. Dengan lain perkataan, jawatan Penghulu Mukim juga telah diresapi oleh unsur-unsur pemodenan. Tugas-tugasnya bukan saja meliputi Mukim Padang Sebang, tetapi juga 4 mukim yang lain. Didalam mesyuarat JKKK yang diadakan, Ketua Kampong dan Penghulu Mukim akan hadir. Ketua Kampong sebagai pengerusi akan menyatakan segala kehendak-kehendak penduduk dan adalah tugas Penghulu Mukim pula untuk menyampaikannya kepada pihak kerajaan. Sebaliknya, segala dasar dan arahan-arahan kerajaan akan disalurkan kepada Penghulu Mukim dan Ketua Kampong akan menyampaikannya kepada penduduk kampong. Jadi, terdapat hubungan dan tugas-tugas yang bersifat "reciprocal" diantara kedua-dua jawatan.

Diantara tugas-tugas Penghulu Mukim tempatan ialah:

- 1) Menyelesaikan perkara-perkara mengenai tanah,
- 2) Menjalankan aktiviti-aktiviti keugamaan di kampong,
- 3) Menyelesaikan segala perbalahan diantara penduduk kampong,
- 4) Mempastikan supaya kejadian-kejadian jenayah tidak berlaku,
- 5) Menganjurkan kegiatan-kegiatan sukarela, DAN
- 6) Menyokong permohonan biasiswa dan sebagainya oleh penduduk kampong.

Sidang. Jelas dapat dilihat penglibatan pentadbiran kerajaan (moden) secara langsung didalam tugas-tugas Ketua Kampong dan Penghulu Mukim dengan cara pengesahan perlantikan mereka.

c) Kepimpinan Adat: Pegawai-Pegawai Masjid hanyalah sesuatu-sesuatu untuk menyalurkan Adat yang diamalkan ialah Adat Perpatih. Tetapi, menurut salah seorang Ketua Adat yang ditemui, adat tidak lagi berfungsi seperti dulu dan kalau pun ada, cuma 10% saja masih lagi dipraktikkan. Beliau menyatakan bahawa sebab utama adat tradisional tidak berfungsi lagi ialah kerana timbulnya kesedaran di kalangan penduduk terhadap kepentingan agama. Adat dan agama pernah berjalan serentak dan sama-sama dipentingkan. Contoh yang jelas ialah didalam upacara perkahwinan dimana tanpa kehadiran kesemua pegawai adat, majlis tersebut tidak akan diteruskan walaupun pegawai-pegawai masjid hadir. Dalam upacara akad nikah, mereka disediakan tempat duduk khas disamping pegawai-pegawai masjid. Sekiranya berlaku sebarang kematian, Ketua-Ketua Suku dan Ketua-Ketua Adat akan mendahului jenazah ketanah perkuburan. Hari ini, mereka tidak lagi disediakan dengan tempat-tempat duduk khas dan tidak diberi keutamaan didalam sebarang upacara pun. Adat cuma tinggal nama saja tanpa fungsi-fungsi tertentu. Dari segi struktur keanggotaannya, Majlis Pegawai Adat tempatan terdiri daripada 18 orang, iaitu 3 orang dari tiap-tiap suku yang berjumlah 6 semuanya. Suku-suku tersebut ialah:

- 1) Mungkar
- 2) Tiga Batu.
- 3) Tiga Nenek
- 4) Semenggong Pulau / Naning.
- 5) Semenggong Tanjong.
- 6) Biduanda.

Di kalangan 18 orang anggota majlis ini, akan dipilih seorang

Sidang, 2 orang Tua Waris dan 3 orang Buapak. Tiap-tiap suku pula akan melantik seorang Ketua Suku.

d) Pegawai-Pegawai Masjid:

Kepentingan Pegawai-Pegawai Masjid hanyalah semata-mata untuk menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan dan yang ada kaitan dengan

- a) Untuk membentangkan perkarakat kampung.
- b) Membawa segala masalah-masalah penduduk kepada pengetahuan kerajaan, dalam majlis perkahwinan, kenduri-kendara dan sebarang kejadian kematian.
- c) Di majlis perkahwinan misalnya, Imam dan pegawai-pegawai masjid yang lain perlu hadir untuk menjalankan dan menyaksikan upacara akad nikah.

Kepimpinan pegawai masjid juga telah dipengaruhi oleh sistem pentadbiran moden. Perlantikan seorang Imam, Khatib dan Bilal tidak lagi mengikut cara lama. Menurut Imam masjid yang ditemui, perlantikan tokoh-tokoh tersebut dilakukan oleh Jabatan Agama di Melaka. Nama-nama calon yang difikirkan layak oleh penduduk kampung, akan dihantar ke Pejabat Agama di Melaka untuk ditemuduga. Ringkasnya, perlantikan terakhir dibuat oleh Jabatan Agama yang dibawah pentadbiran kerajaan. Sebaliknya, perlantikan dimasa lalu dibuat oleh penduduk kampung berdasarkan pada pemilihan dari setiap suku. Misalnya, kalau Imam yang ada sekarang ialah dari suku Biduanda, maka apabila tamat tempoh beliau, penduduk kampung akan memilih seseorang dari suku yang lain pula untuk memegang jawatan tersebut.

5) INSTITUSI-INSTITUSI SOSIO-EKONOMI DI KAMPONG PADANG SEBANG:

Terdapat beberapa jenis institusi-institusi sosio-ekonomi yang bertujuan untuk mengambil berat terhadap kebajikan dan memenuhi segala kehendak-kehendak penduduk tempatan. Penubuhan institusi-institusi ini adalah diatas daya usaha penduduk sendiri dan ini menunjukkan

bahawa ujudnya sikap bertanggung-jawab di kalangan mereka.

Diantara institusi-institusi ini ialah Jawatankuasa Kemajuan Kampong (JKKK). Ia ditubuhkan oleh penduduk kampong dengan inisiatif kerajaan dan mempunyai 5 matlamat penting:

- a) Untuk membangunkan masyarakat kampong,
- b) Membawa segala masalah-masalah penduduk kepada pengetahuan kerajaan,
- c) Mengadakan projek-projek kecil,
- d) Menasihat dan menggalakkan penduduk kampong supaya bercucuk tanam dan mengeluarkan hasil secara besar-besaran, DAN
- e) Menerima segala aduan-aduan penduduk.

JKKK dipengerusikan oleh Ketua Kampong dan perlantikannya sebagaimana yang telah dinyatakan, adalah dilakukan oleh kerajaan. Calon-calon untuk menjadi ahli JKKK dipilih oleh Penghulu Mukim dan Wakil Rakyat tempatan dengan disokong oleh Pegawai Daerah. Perlantikan ini adalah berdasarkan pada pucuk pimpinan UMNO cawangan dan perlantikan terakhir dibuat oleh Ketua Menteri. Dengan lain perkataan, wakil dari parti-parti pembangkang dan bebas tidak boleh menjadi ahli JKKK. Disini seolah-olah merupakan satu exploitasi dimana soal-soal politik dicampuradukkan dengan kemajuan kampong. Pengkaji sendiri telah mendengar sungutan beberapa orang penduduk kampong yang tidak berpuas hati dengan cara perlantikan ini. Mereka menyatakan bahawa terdapat lebih ramai lagi penduduk yang layak untuk menjadi ahli, tetapi oleh kerana mereka adalah penyokong-penyokong parti pembangkang, nama mereka tidak dicalunkan. Dalam hal ini, pengkaji tidak berani membuat sebarang komen kerana isu politik merupakan satu isu yang sensitif. JKKK mengadakan mesyuaratnya sebulan sekali dan dihadiri oleh Ketua Kampong, Penghulu Mukim dan beberapa orang kakitangan kerajaan yang dijemput sebagai pemerhati.

Jawatankuasa Khariat Kematian juga adalah satu institusi yang bersifat socio-ekonomi. Ahli-ahli jawatankuasanya terdiri dari seorang Pengerusi, Naib-Pengerusi, Setiausaha, seorang Juruodit, seorang Penasihat dan 3 orang pemungut wang khariat. Institusi ini bertujuan untuk menolong mereka yang kurang berkemampuan dari segi kewangan untuk menguruskan jenazah sekiranya ada kejadian kematian dalam keluarga mereka. Dianggarkan bahawa setiap kematian hari ini memerlukan belanja hampir \$100 bagi menguruskan jenazah dan menyediakan jamuan ringan untuk mereka yang menziarahi jenazah. Kejadian kematian tidak tentu bila berlakunya, dengan itu tentulah agak sukar bagi mereka yang berpendapatan rendah untuk menyediakan wang sebanyak \$100 secara mendadak. Walaubagaimanapun, wang bantuan hanya akan diberikan kepada ahli-ahli institusi ini saja. Keahlian dikira melalui satu keluarga dimana ketua keluarga perlu mengisi borang ahli serta bayaran sebanyak \$3.00. Lebih jelas lagi, apabila ketua keluarga telah mengisi borang keahlian dan menjelaskan yuran sebanyak \$3.00, secara otomatisnya semua ahli keluarga tersebut (satu kelamin) akan menjadi ahli. Sekiranya anak ketua rumah tersebut telah berkahwin, ia dianggap sebagai ahli keluarga yang baru dan perlu mengisi borang keahlian yang lain berserta dengan yuran yang diperlukan. Apabila berlaku sebarang kematian didalam keluarga tersebut, wang bantuan akan terus diberikan oleh jawatankuasa institusi ini. Jumlah wang bantuan yang diberikan tertakhluk pada umur simati. Sekiranya simati seorang kanak-kanak, sebanyak \$110 akan diberikan manakala jika simati seorang dewasa, \$200 akan diberikan. Selepas 2 hari jenazah dikebumikan, ketiga-tiga orang pemungut wang khariat akan pergi kerumah setiap ahli untuk memungut wang sebagai ganti wang yang telah dikeluarkan dari tabung simpanan untuk diberikan kepada keluarga

simati dulu. Jumlah wang yang akan dipungut daripada ahli juga bergantung pada umur simati. Kalau simati seorang kanak-kanak, sebanyak 25¢ akan dipungut manakala sebanyak 45¢ akan dipungut sekiranya simati seorang dewasa. Menurut Bendahari institusi ini, 70% daripada penduduk kampung adalah ahli tetap, jadi apabila berlaku satu kematian, sebanyak \$200 akan dikeluarkan dari simpanan tetapi hasil dari pungutan wang selepas kematian itu selalunya berjumlah hampir \$300. Pendekata, jumlah wang simpanan semakin bertambah dan ketika ditemui, wang simpanan telah berjumlah hampir \$3,000.

Syarikat Kerjasama Kampung telah ditubuhkan 10 tahun yang lalu (1969) dan bertujuan untuk menolong ahli-ahlinya mengatasi masalah-masalah kewangan dan memupuk semangat berjimat-cermat dikalangan ahli. Cara-cara menjadi ahli hanyalah dengan mengisi borang setiap tahun berserta dengan yuran sebanyak \$11.00 sekurang-kurangnya. Disepanjang tahun itu, ahli-ahli boleh memasukkan wang sebanyak mana yang mereka suka. Pada tiap-tiap hujung tahun, akan dinilai jumlah wang simpanan setiap ahli berserta dengan bunganya, yakni 11¢ untuk tiap-tiap satu ringgit. Didalam mesyuarat agung yang diadakan pada setiap tahun, satu persetujuan dicapai dikalangan ahli samaada untuk memberikan wang simpanan kepada ahli-ahli atau pun terus disimpan didalam buku ekaun syarikat dan menjadi ahli bagi tahun berikutnya. Ketika kajian dijalankan, jumlah wang simpanan ahli-ahli syarikat berjumlah sebanyak \$13,000. Ahli-ahli dibenarkan meminjam wang dari institusi ini bila perlu.

Kegiatan Persatuan Kampung tempatan juga merupakan satu lagi kegiatan yang bersifat socio-ekonomi. Ia bersifat sosial kerana aktiviti-aktivitinya hanya berkisar disekitar upacara-upacara sosial saja dan dalam satu majlis perantaraan ini bermain 7 atau 3 kali, tetapi bayaran sewanya hanya berdasarkan pada satu majlis saja.

ia bersifat ekonomi kerana kegiatan-kegiatannya bertujuan untuk mendapatkan wang. Keahliannya terdiri daripada belia-belia belasan tahun yang berjumlah 20 orang kesemuanya. Diantara aktiviti-aktiviti sosial dimana persatuan ini mengambil bahagian ialah meraikan majlis-majlis perkahwinan dan juga majlis-majlis "formal" seperti peresmian sekolah atau Balai Raya baru. Mereka dipanggil (sewa) oleh ketua rumah di majlis perkahwinan untuk upacara perarakan ksdua-dua mempelai diluar rumah. Apabila kedua-dua mempelai sedang bersanding diatas pelamin, ahli-ahli kompong sekali lagi diperlakukan untuk upacara Tari-Inai yang diadakan selepas upacara akad nikah. Didalam upacara Tari-Inai, ahli-ahli kompong akan berkumpul dihadapan pelamin dan memainkan berbagai irama asli dan moden. Di waktu yang sama, seorang demi seorang daripada mereka akan menari secara bergilir-gilir dalam gerak-geri yang perlahan dihadapan kedua-dua pengantin. Setiap tarian akan mengambil masa kira-kira 2 minit dan sebagai ganjarannya, setiap seorang akan diberi sebiji telur rebus. Untuk 'sekali permainan'⁷ yang diadakan di tempat sendiri, sewanya ialah sebanyak \$10 manakala bayaran sewa kalau bermain di kampong lain ialah diantara \$20 hingga \$25. Wang sewa yang diterima akan dibahagi sama-rata diantara ahli iaitu antara 50¢ hingga \$1.00 seorang, bergantung pada jumlah ahli yang bermain pada satu-satu majlis. Bakinya akan disimpan didalam tabung simpanan dan digunakan untuk memperbaiki kompong-kompong yang rosak.

Persatuan Kompong ini merupakan satu cara dimana sebilangan kecil belia-belia kampong bergiat secara berkumpulan. Apa yang menyedihkan

7) 'Sekali permainan' dimaksudkan pada satu majlis perkahwinan. Mungkin dalam satu majlis persatuan ini bermain 2 atau 3 kali, tetapi bayaran sewanya hanya berdasarkan pada satu majlis saja.

ialah lumpuhnya pergerakan Belia kampung yang merupakan salah sebuah organisasi yang dianjurkan oleh kerajaan untuk mengumpulkan belia-belia luar bandar dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang berfaedah. Menurut Penghulu Mukim, memang ujud Persatuan Belia dikampung, tetapi cuma pada namanya saja. Lumpuhnya pergerakan Belia tempatan adalah berpunca dari kekurangan tenaga belia akibat proses migrasi. Jelas disini bahawa Persatuan Kampung inilah satu-satunya organisasi yang telah berjaya mengumpulkan segelintir anak-anak muda kampung. Namun begitu, masa depan persatuan ini juga tidak dapat ditentukan lagi kerana ahli-ahli persatuan ini terdiri daripada mereka yang baru tamat sekolah yang juga bercita-cita untuk keluar mencari kerja. Sekiranya tidak ada jenerasi baru yang mengambil alih, besar kemungkinan persatuan ini akan menerima nasib yang sama seperti yang menimpa Persatuan Belia.

6) KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG TERDAPAT DI KAMPONG PADANG SEBANG:

Di samping terdapatnya institusi-institusi sosio-ekonomi ini, tempat kajian juga disediakan dengan beberapa kemudahan asas. Diantaranya ialah sebuah Pusat Kesihatan Kecil yang menyediakan berbagai-bagai perkhidmatan yang berkaitan dengan kesihatan. Ini termasuklah perkhidmatan 'sakit-sakit biasa'⁸, perkhidmatan pergigian, rawatan untuk ibu-ibu mengandung dan bayi-bayi kecil. Pusat Kesihatan ini bukan saja memberi perkhidmatan kepada Mukim Padang Sebang, tetapi juga untuk 3 mukim yang berhampiran iaitu Mukim Gadek, Mukim Pulau Sebang dan Mukim Hutan Perca. Menurut Pembantu Hospital yang mengetuai 14 kakitangan

8) 'Sakit-sakit biasa' merujuk pada sakit-sakit umum seperti demam, luka-luka kecil dan sebagainya.

di Pusat Kesihatan ini, jururawat-jururawat dari pusat ini akan di-hantar ke klinik-klinik yang terdapat di 3 mukim yang telah disebutkan, pada hari-hari tertentu secara bergilir-gilir. Perkhidmatan yang diberikan di mukim-mukim ini hanyalah untuk rawatan ibu-ibu mengandung dan bayi-bayi kecil saja, manakala bagi mereka yang memerlukan rawatan dan pemeriksaan untuk sakit-sakit biasa, mestilah datang sendiri ke pusat ini. Untuk rawatan pergigian, seorang doktor pergigian dengan beberapa orang pembantunya akan tiba dari rumah sakit di Alor Gajah pada hari-hari tertentu. Rawatan untuk orang-orang dewasa dari keempat-empat mukim ialah pada tiap-tiap hari Selasa, manakala untuk kanak-kanak pula ialah pada tiap-tiap hari Rabu.



GAMBAR 1

PUSAT KESIHATAN KECIL YANG MEMBERIKAN PERKHIDMATAN KEPADA 3 MUKIM YANG LAIN DAN DILENGKAPI DENGAN BERBAGAI KEMUDAHAN.

Terdapat sebuah sekolah rendah yang memberikan pendidikan

AKTIVITI-AKTIVITI SEORANG PENDUDUK

peringkat rendah kepada kanak-kanak tempatan. Walaubagaimanapun, tidak semua ketua rumah menghantar anak-anak mereka ke sekolah ini untuk pendidikan peringkat rendah. Bagi mereka yang berkemampuan dari segi kewangan, mereka lebih memilih sekolah-sekolah yang lebih besar dan lengkap di Pekan Tampin atau pun Pekan Alor Gajah untuk anak mereka. Di samping itu, terdapat juga seorang ketua rumah yang tidak berpuas hati dengan tenaga pengajar di sekolah rendah tempatan berdasarkan pada peratus kelulusan peperiksaan penilaian darjah 5 setiap tahun yang rendah.

Di samping pendidikan sekular, terdapat sebuah sekolah agama yang memberikan pendidikan spiritual. Pendidikan ini diberikan secara percuma tetapi diadakan hanya disebelah petang (dari pukul 2.00 hingga 4.00 petang) kerana majoriti kanak-kanak ke sekolah sekular disebelah pagi. Tenaga pengajar di sekolah agama ini terdiri daripada 3 orang ustazah dimana gaji mereka dibayar melalui wang subsidi yang diberikan oleh Jabatan Agama kepada Jawatankuasa masjid dan juga hasil dari pungutan derma pada satu jemaah Jumaat. Menurut pengerusi Jawatankuasa masjid, sambutan daripada penduduk tidaklah begitu membanggakan kerana ramai yang tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama ini, walhal pendidikan yang diberikan adalah percuma.

Setelah melihat secara umum mengenai jenis-jenis pekerjaan yang diceburi oleh penduduk tempatan, dapatlah disimpulkan bahawa Kampong Padang Sebang adalah sebuah kampong pertanian. Namun begitu, ia bukan sebuah kampong yang ketinggalan dari arus pembangunan. Ini dapat dibuktikan dengan adanya berbagai-bagai jenis kemudahan yang disediakan.

terdapat buah padi 2 kali setahun disediakan oleh Pejabat Pertanian di Alor Gajah, petani-petani tempatan tetap menanam jenis padi 1 tahun.

AKTIVITI-AKTIVITI EKONOMI PENDUDUK

Didalam bab yang lalu, telah dibuat kesimpulan bahawa Kampong Padang Sebang adalah sebuah kampong pertanian. Didalam bab ini pula, pembicaraan yang lebih lanjut akan dibuat berhubung dengan aktiviti-aktiviti ekonomi penduduk. Aspek-aspek yang akan ditinjau termasuklah jenis-jenis hasil pertanian yang diusahakan, proses-proses yang terlibat untuk mengeluarkan hasil-hasil pertanian tersebut, masalah-masalah yang dihadapi, serta cara-cara penduduk kampong mengatasi masalah-masalah itu. Penelitian akan dibuat keatas aktiviti-aktiviti pertanian utama, manakala aktiviti-aktiviti pertanian sambilan cuma akan dibicarakan secara sepintas lalu saja.

Tanaman padi dan getah adalah 2 hasil pertanian yang digulungkan ke dalam kategori tanaman utama kerana kedua-duanya diceburi oleh majoriti penduduk kampong dan memberi sumbangan yang besar kepada pendapatan mereka. Sebaliknya, hasil pertanian sambilan diusahakan secara kecil-kecilan, melibatkan hanya sebilangan kecil penduduk dan bukannya untuk mendatangkan pendapatan. Aktiviti-aktiviti pertanian sambilan dijalankan sebagai aktiviti-aktiviti sampingan pada 2 aktiviti utama tadi. Ini termasuklah menanam sayur-sayuran, buah-buahan dan menternak ternakan.

A) TANAMAN-TANAMAN UTAMA:

a) AKTIVITI PERSAWAHAN:

Menanam padi merupakan satu aktiviti yang telah lama dipraktikan dan padi yang ditanam ialah padi jenis satu tahun sekali. Walaupun terdapat benih padi 2 kali setahun disediakan oleh Pejabat Pertanian di Alor Gajah, petani-petani tempatan tetap menanam jenis padi 1 tahun.

- Ini tidak bererti bahawa mereka tidak menyahut seruan kerajaan kerana pernah beberapa orang penduduk cuba menanam padi jenis 2 kali setahun, tetapi terdapat beberapa masalah yang tidak menggalakkan usaha-usaha ini diteruskan. Di samping timbulnya masalah-masalah ini (akan dibicarakan kemudian), perlu juga ditegaskan bahawa padi ditanam hanya untuk kegunaan sendiri dan bukan untuk tujuan komersial.
- Majoriti penduduk kampung terlibat didalam aktiviti persawahan walaupun diperingkat yang berlainan. Kenyataan ini dapat dilihat dalam jadual dibawah:

JADUAL 3:1 : KATEGORI PETANI DI DALAM AKTIVITI PERSAWAHAN

BIL.	STATUS PETANI	JUMLAH KELUARGA
1	A	12
2	B	19
3	C	6
4	D	12
5	E	8
	JUMLAH	57

KUNCI:

- A = Tuan-tuan tanah yang menyewakan tanah-tanah mereka.
 B = Tuan-tuan tanah yang mengerjakan sebahagian dari tanah mereka dan menyewakan sebahagian lagi.
 C = Tuan-tuan tanah yang mengerjakan sendiri tanah mereka.
 D = Tuan-tuan tanah yang mengerjakan tanah sendiri dan juga menyewa tanah orang.
 E = Mereka yang hanya mengerjakan sawah-sawah orang.

Jenis-jenis padi 1 tahun yang lazim ditanam ialah Padi Serendah Putih, Padi Serendah Kuning, Padi Siam, Padi Aceh dan Padi Lembut. Ada juga

petani-petani yang menanam beras pulut sebagai sampingan iaitu Pulut Hitam dan Pulut Putih. Terdapat beberapa peringkat tertentu yang diikuti oleh petani-petani didalam aktiviti persawahan, iaitu:

- 1) Menyediakan tapak semaian,
- 2) Menyediakan bendang,
- 3) Mengubah (memindahkan anak semaian ke bendang),
- 4) Merumput,
- 5) Menuai, DAN
- 6) Lain-lain (Mengangkat, Mengangin, Menjemor dan Memproses padi).

Tapak-tapak semaian disediakan diatas darat dan berhampiran dengan kawasan rumah. Setelah dibersihkan dan diratakan, tapak semaian dibahagi-bahagikan pada petak-petak kecil dimana tiap-tiap petak di-khaskan untuk satu jenis padi. Benih-benih padi ditaburkan diatas petak-petak tertentu dan apabila cukup 40 hari, anak-anak semaian tersebut telah cukup besar untuk dipindahkan ke bendang-bendang yang sepatutnya telah selesai dibajak. Bendang-bendang disediakan dengan menggunakan tajak yang ditarik oleh kerbau, dicangkul atau dibajak dengan jentera pembajak. Walaubagaimanapun, jentera pembajak telah menjadi lebih "populer" akibat timbulnya masalah kekurangan tenaga kerja. Anak-anak semaian yang telah berumur 40 hari dicabut dan dipindahkan ke bendang-bendang yang telah dibajak. Sebelum ditanam, batang-batang padi disapukan dengan serbok-serbok baja tulang yang telah digaul dengan lumpur. Petani-petani akan membeli tulang-tulang kerbau dan lembu yang kering dari kedai-kedai Cina di Pekan Gadek yang berhampiran dan ditumbok halus-halus. Anak-anak semaian yang telah disapukan dengan baja tulang ini dibiarkan sehari semalam untuk membolehkan serbok tulang tersebut meresap kedalam batang-batang anak padi. Peringkat merumput dimulakan

setelah umur padi meningkat 3 bulan. Rumput-rumput dibuang supaya tidak mengganggu kesuburan anak-anak padi dan untuk membinasakan tempat-tempat persembunyian tikus-tikus. Rumput-rumput dicangkul, dicabut dengan tangan atau diracun, yakni bergantung pada keadaan sawah dan kemampuan petani-petani dari segi tenaga kerja dan kewangan. Diperingkat ini juga petani-petani akan membeli baja penggemok dari Pejabat Pertanian di Alor Gajah dengan bayaran secara beransur-ansur. Apabila telah masak, padi dituai dengan menggunakan sabit dan dilonggokkan berhampiran dengan peti pemukul. Selesai saja proses memukul, proses mengangin dijalankan yang bertujuan supaya daun dan sampah-sampah akan ditiup angin manakala padi akan jatuh semula kedalam peti pemukul. Walaubagaimanapun, proses ini tidak dapat dilakukan sekiranya padi basah dan perlu dijemur dulu. Proses mengangin sekali lagi dilakukan dirumah dan tujuan kali ini ialah untuk memisahkan hampas-hampas padi dari padi yang berisi. Peringkat terakhir ialah proses memesis padi untuk dijadikan beras. Terdapat 2 jentera memproses padi kepunyaan Syarikat Kerjasama Naning yang memberi perkhidmatan kepada petani-petani. Satu darinya ialah jentera memproses padi bergerak yang lalu di tempat kajian pada setiap hari Selasa di musim menuai, manakala satu lagi ialah jentera memproses padi tetap yang terdapat di Mukim Pulau Sebang, 2 batu dari tempat kajian.

Terdapat beberapa masalah besar yang dihadapi oleh petani didalam aktiviti persawahan. Satu darinya ialah masalah kekurangan tanah. Pukul-rata keluasan hak milik tanah sawah dikalangan petani ialah dalam lingkungan $\frac{1}{2}$ ekar saja atau antara 4 hingga 6 petak bendang. 2 sebab utama yang menyebabkan keluasan hak milik tanah sawah petani-petani

begitu kecil, ialah kerana wujudnya fenomena pemecahan tanah diantara ahli keluarga, dan ada dikalangan penduduk yang telah menjual tanah mereka. Kesemua 57 keluarga yang terlibat dalam aktiviti persawahan membeli beras setiap bulan kerana hasil padi mereka pada setiap musim tidak mencukupi. Keluasan hak milik tanah sawah petani-petani tempatan dapat dilihat dari jadual dibawah:

JADUAL 3:2 : KELUASAN HAK MILIK TANAH SAWAH SENDIRI.

BIL.	KELUASAN TANAH SAWAH	JUMLAH KELUARGA
1	tidak ada tanah sawah	21
2	kurang dari 2 petak	3
3	antara 2 hingga 8 petak	21
4	antara 9 hingga 14 petak	5
5	lebih dari 15 petak	7
	JUMLAH	57

Dapat dilihat bahawa sebanyak 21 keluarga memiliki tanah sawah seluas antara 2 hingga 8 petak, manakala 21 keluarga lagi tidak memiliki sebarang tanah sawah.

Sebagaimana yang telah dibicarakan, hanya diperingkat memproses padi dan menyediakan bendang saja dimana teknologi moden digunakan, manakala peringkat-peringkat yang lain masih lagi menggunakan tenaga kerja manusia. Namun begitu, akibat migrasi belia-belia keluar dari kampung, telah menimbulkan pula masalah kekurangan tenaga kerja khususnya tenaga upahan. Masalah ini telah mengakibatkan pula ramai petani-petani mengerjakan cuma sebahagian sawah-sawah mereka dan ada juga yang terus tidak mengerjakan sawah mereka.

Kekurangan air juga menjadi masalah besar kepada petani dimusim bersawah dan 2 pendapat telah diperolehi mengenai sebab timbulnya masalah ini. Majoriti petani menyatakan bahawa punca masalah ini ialah tali air baru yang dibina oleh kerajaan untuk menggantikan parit air lama. Alasan ini diperteguhkan lagi memandangkan bahawa air mula berkurangan setelah tali air baru ini mula digunakan 2 tahun yang lalu. Menurut mereka, tali air baru ini terlalu kecil dan dibina rendah dari bendang-bendang, jadi ia tidak dapat menampung air yang banyak.



GAMBAR 2

TALI AIR BARU YANG MENJADI PUNCA UTAMA KEKURANGAN AIR, MENURUT PETANI.

Penghulu Mukim pula mempunyai pendapat yang sama sekali berlainan dimana beliau menyatakan bahawa air sememangnya berkurangan seperti yang berlaku di kampung-kampung lain. Pendekata, beliau meletakkan faktor alam semula jadi sebagai punca masalah kekurangan air ini. Contoh yang beliau

berikan ialah Sungai Tampin yang merupakan sumber utama bekalan air untuk bendang-bendang, dimana paras air di sungai ini begitu cetek hingga disetengah tempat dapat dilihat dasarnya.



GAMBAR 3

SUNGAI TAMPIN YANG MELINTASI BENDANG-BENDANG PETANI. DAPAT DILIHAT AIRNYA YANG SEDIKIT DIMANA DISETENGAH TEMPAT TIDAK BERAIR LANGSUNG.

Musuh-musuh padi yang sering menyerang padi dimusim persawahan ialah tikus, burung dan serangga. Tikus mula menyerang bila umur padi meningkat 3 bulan dengan menggigit batang-batang padi untuk mendapatkan umbutnya. Terdapat 2 cara yang digunakan oleh petani-petani untuk menghapuskan tikus, iaitu dengan cara merumput seperti yang telah disebutkan dan dengan menggunakan serbok racun tikus. Serbok-serbok racun ini diperolehi dari Pejabat Pertanian di Alor Gajah dan ditaburkan di bendang-bendang berserta dengan sedikit beras. 2 jenis burung yang

lazim menyerang bila padi masak ialah Burung Pipit dan Burung Tempua. Petani-petani menggantung tin-tin kosong dan kain-kain buruk disekeliling bendang untuk menakutkan burung-burung ini. Di samping itu, ada juga petani-petani yang membiarkan saja padi mereka dimakan oleh burung kerana kepercayaan bahawa burung-burung ini adalah sejenis syaitan. Mereka percaya bahawa bilangan burung-burung ini akan bertambah sekiranya dihalau. Serangan serangga seperti Pianggang tidaklah begitu meragukan kerana jumlah mereka tidak banyak dan dengan hanya menyembur racun serangga saja dapat menghapuskan mereka.

Wang diperlukan untuk membeli racun-racun tikus, rumput dan serangga, menyewa jentera pembajak dan mengupah tenaga luaran. Masalah kekurangan modal sangat dirasakan oleh mereka yang berpendapatan rendah kerana dianggarkan bahawa sebanyak kira-kira \$100 diperlukan pada setiap musim bersawah. Namun begitu, dengan adanya penjualan segala keperluan-keperluan ini oleh kerajaan dengan harga yang murah melalui Pejabat Pertanian, masalah ini tidak begitu ketara lagi.

Kerana ujudnya masalah-masalah inilah petani-petani tidak menanam jenis padi 2 kali setahun. Selain dari itu, padi bukannya punca utama pendapatan mereka tetapi cuma untuk sara diri saja.

b) AKTIVITI MENOREH GETAH:

Berbeda dari aktiviti persawahan, menoreh getah adalah untuk tujuan komersial dan mendatangkan pendapatan berbentuk wang. Daripada 60 keluarga yang ditemui, sebanyak 33 keluarga (55%) terlibat didalam aktiviti ini samaada sebagai penoreh yang menoreh getah orang; tuan-tuan tanah yang menoreh getah sendiri; atau tuan-tuan tanah yang menyewakan tanah getah mereka kepada orang. Kenyataan ini dapat dilihat melalui

jadual dibawah:

JADUAL 3:3 : KATEGORI PENDUDUK YANG TERLIBAT DALAM AKTIVITI
MENOREH GETAH.

BIL.	KATEGORI PENDUDUK	JUMLAH KELUARGA
1	tuan-tuan tanah yang menyewakan tanah mereka	11
2	tuan-tuan tanah yang menoreh sendiri	15
3	buruh-buruh yang menoreh getah orang	7
	JUMLAH	33

Di tempat kajian, telah ditubuhkan Pusat Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil (PPPK) dengan tujuan untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti yang bersangkutan dengan pekebun-pekebun kecil tempatan, terutamanya terhadap kebajikan ahli-ahlinya. PPPK ini adalah dibawah kelolaan RISDA di Alor Gajah dan ia mempunyai Jawatankuasanya sendiri. Diantara khidmat-khidmat yang diberikan oleh PPPK ialah menyediakan sebuah Pusat Memproses Susu Getah yang dilengkapi dengan perkakas-perkakas yang diperlukan untuk mengeping getah. Pusat ini boleh digunakan oleh sesiapa saja tetapi dengan syarat mereka mestilah penduduk kampung. PPPK juga berkhidmat dengan cara membeli getah daripada pekebun-pekebun kecil tempatan. Tujuan PPPK ialah untuk mengelakkan mereka dari menjual getah mereka di kedai-kedai kerana menurut Setiausahanya, menjual getah di kedai sudah pasti akan ditipu khasnya didalam proses timbang-menimbang. Di samping itu, harga belian sekati getah di kedai adalah rendah jika dibandingkan dengan harga belian oleh PPPK kerana harga belian PPPK adalah harga yang ditetapkan oleh RISDA Pusat di Melaka. Pekebun-pekebun

kecil yang menjual getah kepada PPPK adalah secara otomatisnya menjadi ahli PPPK. Getah yang dibeli oleh PPPK akan dibeli pula oleh RISDA atau pemborong-pemborong Cina yang sanggup membeli dengan harga yang lebih tinggi dari harga yang ditetapkan oleh RISDA Pusat di Melaka.



GAMBAR 4

RISDA SEDANG MEMBELI GETAH DARI PPPK.

Anak-anak ahli PPPK juga diberi keutamaan oleh RISDA untuk menerima biasiswa yang berjumlah antara \$15 hingga \$25 sebulan dan ahli-ahli PPPK diberi kebenaran untuk meminjam wang dari tabung simpanan PPPK.

Pekebun-pekebun kecil menghadapi masalah-masalah yang sama seperti yang dihadapi oleh petani-petani di musim bersawah, iaitu masalah kekurangan tanah, kekurangan tenaga kerja dan kekurangan modal.

Kekurangan tanah dikalangan pekebun-pekebun kecil juga terjadi

akibat wujudnya fenomena pemecahan tanah dikalangan anggota keluarga. Ramai memiliki kebun getah yang kecil dan menyebabkan ramai pula tidak mengerjakan kebun-kebun getah yang kecil itu. Keluasan tanah getah dikalangan 33 keluarga yang memiliki kebun getah atau terlibat dalam aktiviti ini, dapat dilihat melalui jadual dibawah:

JADUAL 3:4 : KELUASAN HAK MILIK TANAH GETAH SENDIRI.

BIL.	KELUASAN TANAH GETAH (EKAR)	JUMLAH KELUARGA
1	tidak ada tanah getah tetapi menoreh getah orang	7
2	kurang dari 1 ekar	1
3	antara 1 hingga 4 ekar	16
4	antara 5 hingga 9 ekar	8
5	lebih dari 10 ekar	1
JUMLAH		33

Dapat dilihat bahawa sebanyak 16 keluarga memiliki antara 1 hingga 4 ekar, 8 keluarga memiliki antara 5 hingga 9 ekar, 7 keluarga tidak memiliki sebarang tanah getah dan cuma 1 keluarga yang memiliki lebih dari 10 ekar. Dapatlah dirumuskan bahawa pukul-rata keluasan hak milik tanah getah dikalangan pekebun-pekebun kecil tempatan, ialah dalam lingkungan 3 hingga 6 ekar saja. Kerajaan telah berusaha untuk menambah keluasan tanah getah dikalangan pekebun-pekebun kecil dengan memberi kebenaran kepada mereka yang tidak memiliki tanah getah untuk membuka hutan. Mereka cuma perlu menjelaskan bayaran kira-kira \$400 untuk kerja mengukur dan menyiapkan "grant" untuk tanah tersebut. Sebanyak 6 keluarga telah memperolehi tanah getah melalui sistem buka hutan ini.

Masalah kekurangan tenaga kerja, khasnya tenaga kerja penoreh, telah mengakibatkan banyak kebun-kebun getah terbiar dan ada juga yang mengupah orang luar untuk menoreh getah mereka. Bagi yang ingin untuk menanam semula, mereka menghadapi masalah mencari tenaga kerja untuk membersihkan kebun-kebun getah yang ingin ditanam semula itu. Untuk mengatasi masalah ini, RISDA telah memperkenalkan sistem Tanam Semula Berkelompok yang dimulakan buat pertama kalinya di tempat kajian. Projek ini melibatkan sebanyak 42 ekar tanah getah kepunyaan 23 keluarga pekebun kecil tempatan. Menurut seorang pegawai RISDA, pekebun-pekebun kecil akan memiliki sebuah mini-estet apabila pokok-pokok getah ini telah boleh ditoreh nanti.

Untuk mengatasi masalah kekurangan modal pula, RISDA memberi subsidi berbentuk wang, baja, racun dan anak getah bermutu tinggi kepada mereka yang ingin untuk menanam semula. Di pejabat RISDA pula ada dijual baja, racun rumput, mesin getah dan segala keperluan-keperluan asas dengan harga yang rendah dan pembayaran tidak perlu secara tunai. PPPK juga dapat mengurangkan masalah kekurangan modal dengan memberi peluang kepada pekebun-pekebun kecil untuk meminjam wang dan juga dengan membina sebuah Pusat Memproses Susu Getah.

Setelah ditinjau dengan agak terperinci berhubung dengan kedua-dua jenis tanaman utama, jelaslah bahawa hasil-hasil pertanian ini memberi sumbangan yang besar terhadap pendapatan penduduk. Aktiviti persawahan menghasilkan pendapatan berbentuk barangan, manakala aktiviti menoreh getah menghasilkan pendapatan berbentuk wang.

B) AKTIVITI-AKTIVITI PERTANIAN SAMBILAN:

Aktiviti-aktiviti pertanian sambilan akan dibicarakan secara

ringkas saja kerana aktiviti-aktiviti ini tidak memberikan sumbangan yang besar kepada pendapatan penduduk dan juga tidak dijalankan secara besar-besaran. Aktiviti-aktiviti ini merupakan aktiviti-aktiviti untuk mengisi masa lapang dan sebagai sampingan kepada aktiviti-aktiviti pertanian utama yang mereka ceburi.

a) Menanam Sayur-Sayuran:

Daripada 60 keluarga, terdapat 6 keluarga yang memiliki kebun sayur, dimana 4 darinya ialah keluarga penoreh getah dan 2 keluarga lagi mengambil upah mengerjakan sawah orang di musim bersawah. Usaha-usaha mereka adalah secara kecil-kecilan dan hanya untuk kegunaan sendiri. Diantara jenis-jenis sayur yang ditanam ialah sayur kangkung, sawi, kacang panjang, terung dan keledek.

b) Menanam Buah-Buahan:

Berbeda dengan aktiviti menanam sayur-sayuran, menanam buah-buahan merupakan satu aktiviti yang melibatkan majoriti penduduk. Buah-buahan ini juga adalah untuk kegunaan sendiri dan pokok-pokok buah-buahan ditanam di kawasan rumah. Cuma terdapat 1 keluarga saja yang telah mengusahakan sekeping tanah seluas 4 ekar untuk dijadikan dusun buah-buahan dimana hasilnya nanti adalah untuk dijual. Diantara jenis pokok buah-buahan yang didapati disekeliling rumah penduduk, termasuklah pokok pisang, rambutan, manggis, keapa dan langsung.

c) Menternak Ternakan:

Aktiviti ini digulungkan sebagai satu aktiviti pertanian kerana ia diceburi oleh kebanyakan masyarakat petani, termasuk petani tempatan. Menternak ayam dan itik merupakan satu aktiviti yang dipraktikan oleh majoriti penduduk. Di samping itu, terdapat sebanyak 21 keluarga yang memelihara lembu, 17 keluarga memelihara kambing dan 5 keluarga meme-

lihara kerbau. Namun begitu, ini tidak bererti bahawa keluarga-keluarga tersebut cuma memelihara satu jenis ternakan saja kerana ada yang memelihara lembu dan kambing dan ada pula yang memelihara kambing dan kerbau. Kerajaan juga memberi lembu-lembu betina kepada penduduk tempatan didalam sistem pawah dimana kerajaan akan mengambil anak pertama ibu lembu itu, manakala ibu lembu dan anak-anak seterusnya akan menjadi milik sipemelihara.

Dari perbincangan yang ringkas ini, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa aktiviti-aktiviti pertanian sambilan tidak begitu penting kepada penduduk dari segi pendapatan.

C) ASPEK-ASPEK TERTENTU DI DALAM EKONOMI PERTANIAN:

a) Organisasi / Bentuk Tenaga Kerja:

Terdapat 3 bentuk tenaga kerja yang digunakan oleh penduduk ketika menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian, iaitu tenaga kerja sendiri, tenaga kerja upahan dan melalui sistem tolong-menolong.

Tenaga kerja sendiri merujuk kepada tenaga kerja yang diperolehi dari anggota keluarga saja. Apa yang jelas ialah preposisi yang menunjukkan bahawa tenaga kerja sendiri kerap digunakan untuk kerja-kerja yang ringkas dan tidak memerlukan tenaga yang banyak. Tenaga kerja sendiri digunakan oleh majoriti mereka yang berpendapatan kecil.

NIL.	Bentuk tenaga kerja upahan melibatkan tenaga kerja luaran dan disertai dengan ganjaran berbentuk wang atau sebahagian dari hasil yang diusahakan. Kerja-kerja yang diupah ialah kerja-kerja yang berat dan memerlukan tenaga yang banyak dan mereka yang sering memberi upah ialah yang berpendapatan tinggi dari segi kewangan. Upah berbentuk	60	100%
------	---	----	------

hasil diberi dalam sistem Bagi 2 atau Bagi 3. Dalam sistem Bagi 2, hasil dibahagi sama-rata diantara tuan tanah dengan pekerja, manakala dalam sistem Bagi 3, tuan tanah cuma menerima sepertiga dari hasil. Sistem Bagi 2 digunakan didalam aktiviti-aktiviti dimana tuan tanah juga turut terlibat, misalnya dengan menyediakan segala kelengkapan didalam aktiviti menoreh getah. Sistem Bagi 3 digunakan sekiranya tuan tanah tidak terlibat langsung didalam satu-satu kerja itu.

M.G. Swift pernah menyarankan,

"Tolong-menolong is an expression of friendship, helping someone who is in trouble."⁹

Bentuk tenaga kerja dalam sistem tolong-menolong juga melibatkan tenaga kerja luar dari keluarga, tetapi tidak melibatkan sebarang bentuk upah. Ia adalah satu bentuk pertolongan sukareja saja dan dari aspek sosial, ia memperlihatkan sifat-sifat setiakawan dan tanda hormat-menghormati. Tolong-menolong sebenarnya berlaku diperingkat apa sekali, asalkan seseorang itu memerlukan bantuan didalam satu-satu kerja.

b) Pemilikan Tanah Di Kalangan Penduduk:

Seperti yang telah dinyatakan, keluasan tanah yang dimiliki oleh penduduk tempatan adalah kecil dimana majoriti memiliki antara 1 hingga 6 ekar saja. Hakikat ini dapat dilihat melalui jadual yang berikut:

JADUAL 3:5 : KELUASAN HAK MILIK TANAH DI KALANGAN PENDUDUK.

BIL.	KELUASAN TANAH (EKAR)	JUMLAH KELUARGA	PERATUS (%)
1	kurang dari 1 ekar	6	10
2	antara 1 hingga 3 ekar	27	45
3	antara 4 hingga 6 ekar	17	28.3
4	antara 7 hingga 9 ekar	6	10
5	lebih dari 10 ekar	4	6.7
	JUMLAH	60	100%

Dapat dilihat dari jadual tersebut bahawa sebanyak 27 keluarga (45%) memiliki tanah antara 1 hingga 3 ekar dan 17 keluarga (28.3%) memiliki antara 4 hingga 6 ekar. Jadi, dapatlah disimpulkan bahawa hampir 73% daripada 60 keluarga memiliki tanah antara 1 hingga 6 ekar.

Penduduk tempatan memperolehi tanah dengan beberapa cara dan secara pusaka adalah yang paling kerap terjadi. Menurut S. Husin Ali¹⁰,

" Tanah Pusaka ialah tanah yang diturunkan dari seorang seseorang yang lain, biasanya dari satu jenerasi ke-jenerasi terkemudian."

Terdapat 2 jenis tanah pusaka di tempat kajian iaitu Tanah Pusaka Adat dan Tanah Pusaka Warisan. Tanah Pusaka Adat hanya boleh dimiliki oleh kaum perempuan, tidak boleh dijual beli, tidak boleh dicagar dan tidak boleh digadaikan. Ujudnya sistem Tanah Pusaka Adat ini ialah kerana adanya amalan Adat Perpatih. Sebaliknya, Tanah Pusaka Warisan tidak mengikut Adat Perpatih tetapi lebih berdasarkan pada Ugama Islam. Tanah Pusaka Warisan tidak termasuk dan tidak didaftarkan didalam Tanah Pusaka Naning yang dikenali juga sebagai Tanah Pusaka Melaka. Hanya Tanah Pusaka Adat saja termasuk didalam Tanah Pusaka Naning. Tanah Pusaka Warisan boleh dimiliki oleh kaum lelaki, dipindah milik, dijual beli, dicagar dan digadaikan. Daripada 60 keluarga, cuma ditemui 2 keluarga yang sudah mengamalkan pemberian tanah secara Pusaka Warisan, walaupun sistem ini telah lama diperkenalkan di Negeri Melaka.

Tanah-tanah juga diperolehi dengan sistem pawah dan dikenali sebagai Tanah Pawah. Mereka yang sering memawah tanah orang lain selalunya

9) Swift, M.G.,

MALAY PEASANT SOCIETY IN JELEBU.
New York, 1965. Hal: 48

10) S. Husin Ali,

KEMISKINAN DAN KELAPARAN TANAH DI KELANTAN.
Petaling Jaya, Selangor, 1978. Hal: 46

mempunyai tanah yang kecil dan tidak cukup untuk keperluan diri dan keluarganya. Didalam sistem Tanah Pawah, hasil dari tanah yang dipawah itu dibagi 2 atau dibagi 3, sebagaimana yang telah dibicarakan. Sistem pawah Bagi 2 melibatkan kedua-dua aktiviti persawahan dan menoreh getah manakala sistem Bagi 3 lebih melibatkan aktiviti persawahan.

Ada juga penduduk tempatan yang diberi tanah oleh kerajaan, misalnya dalam sistem 'buka hutan' dan juga diberi oleh kaum keluarga mereka sendiri. Telah ditemui seorang ketua rumah yang diberi sekeping tanah oleh emak saudaranya untuk dikerjakan.

Di samping itu, penduduk kampung juga memperolehi tanah secara menumpang. Tanah tumpangan hanya melibatkan tapak rumah saja. Daripada 60 keluarga, sebanyak 16 keluarga menumpang tinggal diatas tanah orang lain dan daripada 16 keluarga ini, 13 keluarga menumpang untuk sementara waktu saja manakala 3 keluarga lagi mungkin menumpang untuk selamanya. 13 keluarga tersebut menumpang diatas tanah ibu bapa mereka, yakni tanah pusaka dan tanah ini akan menjadi milik mereka apabila telah dipindah milik nanti. Daripada 3 keluarga yang mungkin menumpang untuk selamanya, 2 daripadanya menumpang diatas tanah kerajaan manakala 1 keluarga lagi menumpang atas tanah wakaf kepunyaan Jawatankuasa masjid.

Ditemui juga 1 keluarga yang memperolehi tanah getah seluas 4 ekar melalui Rancangan Tanah Pinggir kerajaan. Beliau dimestikan membayar sebanyak \$27 sebulan untuk jangka masa selama 27 tahun dan tanah itu akan menjadi miliknya setelah tamat tempoh tersebut.

Kesimpulannya, dengan pembicaraan yang mendalam berhubung dengan aktiviti ekonomi penduduk dan aspek-aspek yang berkaitan dengannya, memang tidak dapat disangkal hakikat bahawa Kampung Padang Sebang merupakan sebuah kampung yang tidak ketinggalan zaman.

CIRI-CIRI SOSIAL MASYARAKAT MELAYU KAMPONG PADANG SEBANG

Bab ini akan meninjau aspek-aspek yang berkaitan dengan ciri-ciri kehidupan sosial masyarakat Melayu tempatan. Aspek-aspek yang akan disentuh termasuklah bentuk-bentuk perhubungan sosial dikalangan penduduk, bentuk stratifikasi sosial dan kaitannya dengan gaya hidup dan peluang-peluang hidup mereka.

A) BENTUK-BENTUK PERHUBUNGAN SOSIAL:

Perhubungan sosial dikalangan penduduk Melayu tempatan dapat dilihat melalui kegiatan-kegiatan kerjasama yang mereka jalankan, samaada kerjasama untuk matlamat-matlamat sosial, ekonomi atau pun politik. Interaksi sosial dikalangan mereka wujud melalui kegiatan-kegiatan kerjasama ini.

Bentuk kerjasama yang kerap sekali dipraktikkan di tempat kajian ialah Tolong-Menolong. Di majlis-majlis sosial seperti majlis kenduri, adalah menjadi satu obligasi bagi jiran-jiran untuk menyumbangkan pertolongan sekadar yang perlu. Adalah satu kebiasaan dimana mereka akan tiba awal-awal untuk memberi pertolongan sekiranya jiran-jiran mereka mengadakan sebarang majlis keramaian, walaupun mereka tidak dijemput secara "personal". Mereka akan berinteraksi sesama mereka ketika berkumpul untuk membuat persiapan-persiapan bagi majlis itu. Majlis-majlis yang besar seperti majlis perkahwinan, bukan saja dapat mengumpulkan penduduk tempatan tetapi juga penduduk dari kampung-kampung yang berhampiran seperti Kampung Tanjong, Kampung Ganun dan Kampung Empang Batu. Ringkasnya, menolong dan menghadiri majlis-majlis sosial, merupakan salah satu cara dimana penduduk kampung berkumpul dan berinteraksi sesama mereka.

Bergotong-royong juga merupakan satu bentuk kerjasama yang wujud

dan satu contoh yang jelas ialah kerja-kerja membersihkan kawasan tanah perkuburan seminggu sebelum menjelang Hari Raya Puasa. Beberapa orang penduduk kampung, khasnya belia-belia, akan bersama-sama mencabut rumput, menebas anak-anak kayu dan menyapu cat pada batu-batuan. Membersihkan kawasan masjid pada masa-masa tertentu juga dilakukan secara bergotong-royong.

Satu lagi bentuk kerjasama yang terdapat ialah Seraya-Menyaraya. Dalam bentuk kerjasama ini, seseorang yang memerlukan tenaga kerja luaran untuk satu-satu pekerjaan, akan menjemput beberapa orang penduduk yang berhampiran untuk membantunya. Tuan rumah tidak memberi upah dalam bentuk wang, tetapi hanya dengan menyediakan minuman ringan atau sarapan tengah hari sekiranya kerja tersebut mengambil masa yang lama. Satu contoh yang memperlihatkan amalan seraya-menyaraya ini, ialah didalam kerja-kerja membuat persiapan bagi majlis perkahwinan. 3 hari sebelum hari perkahwinan berlangsung, tuan rumah akan menetapkan hari tersebut sebagai 'hari berkampong' dimana beliau akan menjemput penduduk yang berhampiran untuk menolongnya menyiapkan segala persiapan-persiapan terakhir. Kaum perempuan sibuk menyiapkan keperluan-keperluan dapur, manakala kaum lelaki pula sibuk diperkerangan rumah untuk mendirikan khemah dan mengatur kerusi meja.

Di samping bentuk-bentuk kerjasama ini, penduduk-penduduk juga berhubung secara "informal" menerusi perjumpaan-perjumpaan harian di kedai kopi, di masjid atau apabila saja mereka bertemu-muka. Perhubungan juga dijalinan menerusi perjumpaan-perjumpaan "formal" yang diadakan pada masa-masa tertentu seperti pada hari menjual getah

B) BENTUK STRATIFIKASI SOSIAL:

Segala kerjasama-kerjasama yang diperlihatkan oleh penduduk kampung itu, boleh dikatakan berpunca dari kepercayaan bahawa mereka adalah sama saja, iaitu semuanya orang sekampung. Apa yang mereka nilaikan ialah dari persamaan keugamaan, latar belakang etnik dan kebudayaan. Tetapi, tanggapan seperti ini tidak pula bermakna bahawa mereka seragam dari berbagai segi. Telah dapat dilihat perbezaan-perbezaan sosial dan ekonomi dikalangan mereka. Dari segi sosial, ada yang lebih dihormati dan dari segi ekonominya, ada yang lebih kaya. Bila menyentuh mengenai adanya perbezaan-perbezaan sosio-ekonomi dikalangan penduduk, nyatalah memang wujud satu sistem stratifikasi sosial di tempat kajian.

S. Husin Ali¹¹ telah memberikan beberapa faktor yang boleh mengujudkan satu bentuk susunlapis sosial didalam satu-satu masyarakat petani. Faktor-faktor tersebut ialah faktor umur, sifat-sifat peribadi, berpengetahuan dibidang keugamaan, pencapaian pelajaran dan kekayaan. Oleh kerana masyarakat yang dikaji juga adalah satu komuniti petani, faktor-faktor tersebut juga boleh digunakan untuk melihat bentuk susunlapis sosial yang wujud.

Memberi penghormatan kepada orang-orang tua merupakan satu norma sosial didalam masyarakat Melayu kerana berdasarkan pada umur mereka, mereka dianggap berpengalaman dan mengetahui liku-liku hidup. Orang-orang tua tempatan diberi keutamaan untuk duduk di barisan terhadap

11) S. Husin Ali,

MASYARAKAT DAN PIMPINAN KAMPONG DI MALAYSIA.
Kuala Lumpur, 1977. Hal: 109

sekali ketika mengerjakan sembahyang jemaah di masjid. Mereka juga tidak boleh dilupakan apabila mengadakan majlis kenduri. Namun begitu, tidak terdapat satu pemeringkatan yang khusus yang dikenali sebagai susunan "Age Set" di Kampong Padang Sebang.

Kedudukan mereka yang berpengetahuan di bidang Ugama Islam juga adalah tinggi dikalangan masyarakat Melayu tempatan. Walaupun kesemua penduduk beragama Islam, tetapi tidak ramai yang boleh menghuraikan hukum-hukum Islam dan yang boleh mengajar ugama. Dengan itu, nama-nama golongan ini dicalunkan untuk memegang jawatan-jawatan penting dari segi keugamaan seperti menjadi Imam, Bilal, Khatib atau AJK masjid.

Pemeringkatan pada kedudukan tertentu boleh juga dilakukan berdasarkan pada ketidaksamarataan kedudukan ekonomi seperti ketidaksamarataan pengagihan punca-punca pengeluaran dan pendapatan. Dengan berdasarkan pada kriteria-kriteria ini, masyarakat Melayu tempatan boleh dikategorikan kepada 3 golongan ekonomi iaitu golongan kaya, golongan sederhana dan golongan miskin. Tanah merupakan punca pengeluaran utama dalam masyarakat petani dan seperti yang telah diterangkan, terdapat perbezaan-perbezaan berhubung dengan keluasan hak milik tanah dikalangan penduduk. Golongan kaya adalah terdiri daripada tuan-tuan tanah yang memiliki tanah melebihi 8 ekar. Daripada 60 keluarga, sebanyak 8 keluarga dikategorikan kedalam golongan kaya. Golongan yang sederhana terdiri daripada tuan-tuan tanah yang memiliki tanah antara 3 hingga 8 ekar. 19 keluarga digolongkan kedalam kategori ini. Akhir sekali, golongan miskin ialah mereka yang memiliki tanah kurang dari 3 ekar. Pembahagian berdasarkan pada keluasan hak milik tanah ini, dapat dilihat melalui jadual yang berikut:

JADUAL 4:1 : PENGULUNGAN BERDASARKAN KELUASAN HAK MILIK TANAH.

BIL.	GULUNGAN SOSIAL	KELUASAN TANAH	JUMLAH KELUARGA	%
1	miskin	kurang dari 3 ekar	33	55
2	sederhana	3 hingga 8 ekar	19	32
3	kaya	lebih dari 8 ekar	8	13
		JUMLAH	60	100%

Dapat diperhatikan bahawa sebanyak 55% penduduk adalah tergolong ke- dalam gulungan miskin, 32% kedalam gulungan sederhana dan 13% kedalam gulungan kaya.

Pengulungan perlu juga dibuat berdasarkan pada faktor pendapatan bulanan kerana telah ditemui satu keluarga yang memiliki hanya seluas 2 ekar tanah, tetapi memiliki sebuah kereta dan rumahnya dilengkapi dengan segala peralatan moden. Jadi, keluarga ini miskin dari segi keluasan tanah tetapi tidak dari segi pendapatan. Jumlah pendapatan sebulan yang diterima oleh penduduk tempatan, dibahagikan kepada 3 kategori iaitu:

- i) Kurang dari \$100,
- ii) Antara \$100 hingga \$300, DAN
- iii) Lebih dari \$300.

Walaupun bagaimanapun, pembahagian ini hanyalah secara arbitrari tanpa menggunakan kaedah yang lebih sistematik. Kaedah yang digunakan adalah berdasarkan atas pemerhatian terhadap gaya hidup penduduk dan dikaitkan dengan pendapatan yang mereka terima. Pengulungan berdasarkan

pada pendapatan bulanan, dapat dilihat melalui jadual dibawah:

JADWAL 4:2 : PENGULUNGAN BERDASARKAN JUMLAH PENDAPATAN SEBULAN.

BIL.	GULUNGAN SOSIAL	PENDAPATAN SEBULAN	JUMLAH KELUARGA	%
1	miskin	kurang dari \$100	17	28
2	sederhana	antara \$100 hingga \$300	31	52
3	kaya	lebih dari \$300	12	20
		JUMLAH	60	100%

Dapat dilihat bahawa sebanyak 17 keluarga tergulung kedalam gulungan miskin, 31 keluarga kedalam gulungan sederhana dan 12 keluarga kedalam gulungan kaya.

Dari segi gaya hidup dan peluang-peluang hidup, terdapat ciri-ciri yang berbeda diantara ketiga-tiga gulungan ekonomi. Kehidupan gulungan kaya adalah mewah sekali. Rumah mereka besar dan lengkap dengan perkakas moden seperti peti T.V., peti sejuk dan kerusi moden. Dari-pada 12 keluarga gulungan kaya ini, 4 daripadanya memiliki kereta dan 4 lagi memiliki motosikal. Gulungan kaya juga tidak ada kesulitan untuk membiayai persekolahan anak-anak mereka dan anak-anak gulungan ini juga yang ramai bersekolah di bandar-bandar.

Kehidupan gulungan sederhana tidaklah semewah gulungan kaya. Rumah mereka adalah kecil sedikit walaupun dilengkapi juga dengan perkakas moden. Motosikal dan basikal merupakan kenderaan yang lazim dimiliki oleh mereka. Mereka tidak mengalami masalah besar untuk membiayai persekolahan anak-anak, tetapi perbelanjaan adalah sederhana.

Kalau dibandingkan gaya hidup gulungan miskin dengan 2 gulungan diatas tadi, nyatalah keadaannya begitu sederhana sekali. Cara mereka berpakaian, makanan dan kelengkapan rumah, tidaklah sehebat seperti kedua-dua gulungan yang lebih berjaya itu. Mereka mengalami berbagai masalah untuk memberi pendidikan kepada anak-anak mereka, terutamanya masalah kewangan. Terdapat 2 orang ketua rumah dari gulungan miskin ini yang berhasrat untuk memberhentikan anak-anak mereka dari sekolah sekiranya masalah kewangan kian meruncing.

Maka jelaslah bahawa pengulungan seseorang itu kedalam satu-satu gulungan tertentu, bergantung kepada kedudukan ekonominya. Lanjutan dari ini, gaya hidup dan peluang-peluang hidupnya adalah dipengaruhi oleh gulungan mana ia digolongkan. Terdapat juga aktiviti-aktiviti pertanian sampingan yang merupakan aktiviti sampingan kepada 2 aktiviti pertanian utama tadi. Bidang kedua-dua aktiviti pertanian utama, subsektor keajaian masih menantikan hasil pengeluaran, adalah subsektor. Sedikit sahaja telah dapat meringankan masalah-masalah pekebun-pekebun kecil dan penawah-penawah tempatan.

Walaupun masyarakat kampung adalah "homogenous" dari segi ekonomi, yakni majoriti adalah petani, kehidupan mereka adalah berbeza-beda. Dengan penilaian dari segi ketidakseimbangan kedudukan ekonomi seperti jumlah pendapatan bulanan dan harta seperti tanah, dapat dikategorikan penduduk tempatan kepada 3 golongan ekonomi, iaitu golongan kaya, miskin dan sederhana. 20% penduduk tergolong dalam golongan kaya, 52% kedalam golongan sederhana dan 28% kedalam golongan miskin. Namun begitu, mereka yang digolongkan sebagai miskin ini, bukannya miskin dalam arti-kata yang sebenarnya kerana disepanjang kajian, tidak ditemui keluarga yang hidup melarat. Persekitaran pada golongan tertentu ini,

PENUTUP

Kampung Padang Sebang adalah sebuah kampung Melayu yang termasuk didalam Daerah Alor Gajah, dalam Negeri Melaka. Ia disediakan dengan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, letrik, perkhidmatan Pos Bergerak, perkhidmatan talipon dan sebuah Pusat Kesihatan Kecil. Kedudukan ilmu alamnya yang bukan terletak di pendalaman, mempercepatkan didalam aktiviti sosial dan pun ekonomi. Sifat-sifat individualistik memasukkan unsur-unsur modernisasi.

Penduduknya yang seramai 952 orang, rata-rata terdiri daripada petani-petani. Menoreh getah dan bersawah merupakan 2 aktiviti pertanian utama yang diceburi oleh masyarakat kampung. Kira-kira 95% penduduk terlibat dalam aktiviti persawahan dimusim bersawah dan kira-kira 70% terlibat dalam aktiviti menanam getah. Terdapat juga aktiviti-aktiviti pertanian sambilan yang merupakan aktiviti sampingan kepada 2 aktiviti pertanian utama tadi. Didalam kedua-dua aktiviti pertanian utama, sumbangan kejajaan untuk menambahkan hasil pengeluaran, adalah membanggakan. Sedikit sebanyak telah dapat meringankan masalah-masalah pekebun-pekebun kecil dan pesawah-pesawah tempatan.

Walaupun masyarakat kampung adalah "homogenous" dari segi ekonomi, yakni majoriti adalah petani, kehidupan mereka adalah berbeda-beda. Dengan penilaian dari segi ketidaksamarataan kedudukan ekonomi seperti jumlah pendapatan bulanan dan harta seperti tanah, dapat dikategorikan penduduk tempatan kepada 3 golongan ekonomi, iaitu golongan kaya, miskin dan sederhana. 20% penduduk tergulung dalam golongan kaya, 52% kedalam golongan sederhana dan 28% kedalam golongan miskin. Namun begitu, mereka yang digulungkan sebagai miskin ini, bukannya miskin dalam erti-kata yang sebenarnya kerana disepanjang kajian, tidak ditemui keluarga yang hidup melarat. Pembahagian pada golongan tertentu ini,

hanya merupakan satu pembahagian secara arbitrari saja, tanpa menggunakan kaedah-kaedah yang sistematik. Seterusnya, walaupun wujud perbezaan-perbezaan dari segi gaya hidup dan peluang-peluang hidup, tidak bererti pula wujud konflik klas dikalangan penduduk-penduduk

- 1) Melayu tempatan. Sebaliknya, mereka saling bantu-membantu samaada didalam aktiviti sosial atau pun ekonomi. Sifat-sifat individualistik tidak terdapat dikalangan mereka, tetapi perasaan-perasaan setiakawan dan tanda hormat masih kekal dan ini merupakan satu ciri umum didalam masyarakat luar bandar.

Secara keseluruhannya, dapatlah dibuat satu generalisasi bahawa Kampong Padang Sebang adalah sebuah kampong yang serba maju dan tidak terpisah dari arus pembangunan dan pemodenan.

- 4) Firth, Rosemary, "HOUSEKEEPING AMONG MALAY PEASANTS." New York, 1966.
- 5) Ungku Ab. Anis Ab. Hamid, "RENCANA EKONOMI DAN KEMISKINAN." Singapore, 1959.
- 6) Wilson, Peter J., "A MALAY VILLAGE AND MALAYLIA." New Haven, Connecticut, 1967.
- 7) Bertrand, Alvin L., "BASIC SOCIOLOGY." 2nd. Edition, New York, 1976.
- 8) Hodges, Harold M. Jr., "AN INTRODUCTION TO SOCIOLOGY: CONFLICT AND CHANGE" 2nd. Edition, New York.

BAHAN-BAHAN RUJUKAN

- | 9) <u>PENGARANG BUKU</u> | <u>NAMA BUKU</u> |
|------------------------------------|--|
| 1) S. Husin Ali, | " KEMISKINAN DAN KELAPARAN TANAH
DI KELANTAN."
Petaling Jaya, Selangor, 1978. |
| 10) Krueber, A.S., | |
| 2) Swift, M.G., | " MALAY PEASANT SOCIETY IN JELEBU."
New York, 1965. |
| 11) Mohd. Daud Ab. Bakar, | |
| 3) S. Husin Ali, | " MASYARAKAT DAN PIMPINAN KAMPONG
DI MALAYSIA."
Kuala Lumpur, 1977. |
| 12) Jabatan Cetak Kerjasama, | KEDUA, 1971-1973.
Kuala Lumpur, 1971. |
| 4) Firth, Rosemary, | " HOUSEKEEPING AMONG MALAY PEASANTS."
New York, 1966.
1976-1980."
Kuala Lumpur, 1976. |
| 13) _____, | |
| 5) Ungku Ab. Aziz Ab. Hamid, | " RENCANA EKONOMI DAN KEMISKINAN."
Singapura, 1959. |
| 6) Wilson, Peter J., | " A MALAY VILLAGE AND MALAYSIA."
New Haven, Connecticut, 1967. |
| 7) Bertrand, Alvin L., | " BASIC SOCIOLOGY."
2nd. Edition, New York, 1976. |
| 8) Hodges, Harold M. Jr., | " AN INTRODUCTION TO SOCIOLOGY:
CONFLICT AND CONSENSUS."
2nd. Edition, New York, 1974. |

PENGARANG BUKUNAMA BUKU

- 9) Horton, Paul B./ Hunt, Chester L., " SOCIOLOGY."
4th.Edition, Tokyo, Japan, 1976.
- 10) Kroeber, A.L., " ANTHROPOLOGY."
3rd.Edition, New Delhi, India, 1976.
- 11) Mohd.Daud Ab.Rahman, " KAJIAN SEMULA RANCANGAN MALAYSIA
KEDUA, 1971-1975."
Kuala Lumpur, 1973.
- 12) Jabatan Cetak Kerajaan, " RANCANGAN MALAYSIA KEDUA, 1971-1975."
Kuala Lumpur, 1971.
- 13) _____, " RANCANGAN MALAYSIA KETIGA,
1976-1980."
Kuala Lumpur, 1976.
- _____